



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 24 DISEMBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **1,085 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **81,099 kes** (80.8 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 24 Disember 2020, negara kita telah merekodkan kes harian baharu sebanyak **1,581 kes**. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **100,318 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 18,773 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat dua (2) kes import yang mendapat jangkitan

dari luar negara manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,579 kes.

Negeri Selangor kekal melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **491 kes (31.1 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **375 kes (76.4 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontrak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **379 kes (24.0 peratus)** dan Sabah sebanyak **249 kes (15.7 peratus)**.

Sebanyak **270 kes (17.1 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (185 kes), Kluster Tembok Gajah (74 kes), Kluster GK Tawau (6 kes), Kluster Tembok (4 kes), dan Kluster Bakti (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **102 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **45 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **dua (2) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **446 kes (0.45 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
445	46551	Sabah	Perempuan (WN)	15	Jenazah dibawa ke Hospital Lahad Datu	-
446	97575	Sabah	Lelaki (WN)	61	Jenazah dibawa ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, dan strok

*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 24 Disember 2020, terdapat sebanyak **468 kluster** telah dilaporkan termasuk **empat (4) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **262 kluster** termasuk **enam (6) kluster yang tamat** pada hari ini iaitu Kluster Kasir, Kluster Tomher MC, Kluster Utama, Kluster Rengas, Kluster Mampulut dan Kluster Haven. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **206 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **53 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Penjara Jalan Harapan (185 kes), Kluster Tapak Bina Permai (138 kes), dan Kluster Kebun Baru (95 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **empat (4) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER KEBUN BARU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 24 Disember 2020 melalui saringan

bersasar di sebuah kilang. Sehingga 24 Disember 2020, sejumlah 580 individu telah disaring, di mana **95 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER SUNGAI BURONG

Kluster ini melibatkan daerah Kuala Selangor di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-91410) merupakan kes *Severe Acute Respiratory Infections* (SARI) dan telah dilaporkan positif COVID-19 pada 19 Disember 2020. Sehingga 24 Disember 2020, sejumlah 167 individu telah disaring, di mana **28 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER TAPAK BINA JALAN TUN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 24 Disember 2020 melalui saringan bersasar di sebuah tapak binaan. Sehingga 24 Disember 2020, sejumlah 177 individu telah disaring, di mana **26 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN PANDAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Lembah Pantai, Cheras, Kepong, dan Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah Gombak, Petaling, Kuala Selangor dan Hulu Langat di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-84263) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 14 Disember 2020 melalui saringan individu bergejala. Sehingga 24 Disember 2020, sejumlah 165 individu telah disaring, di mana **30 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT PENJAGAAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN SEMASA PERAYAAN HARI NATAL

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengucapkan Selamat Hari Natal kepada warga Malaysia yang akan menyambut perayaan ini. Pada tahun ini, kita akan meraikan sambutan Hari Natal dengan norma baharu berbanding tahun-tahun yang lalu. Sehubungan itu, KKM ingin mengingatkan rakyat Malaysia agar sentiasa patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah digariskan.

Rakyat Malaysia diingatkan untuk mengurangkan risiko jangkitan di antara ahli keluarga dan rakan-rakan dengan mengamalkan norma baharu seperti elakkan sembang dari jarak

dekat dan menggunakan pelitup muka. Elakkan daripada berkumpul dalam jangka masa yang lama kerana ianya akan meningkatkan risiko penularan jangkitan COVID-19. Selain itu, hendaklah sentiasa amalkan kebersihan sendiri dengan kerap mencuci tangan dan juga menjaga kebersihan persekitaran.

Sejajar dengan perkembangan teknologi telekomunikasi terkini, rakyat Malaysia digalakkan untuk memanfaatkan panggilan video sebagai gantian amalan ziarah-menziarahi. Dengan amalan baharu ini, kita sama-sama dapat melindungi warga tua dan kumpulan-kumpulan rentan daripada dijangkiti COVID-19.

Berikutan situasi peningkatan kes COVID-19 dalam negara yang telah mencapai **jumlah kumulatif sebanyak 100,318 kes**, masyarakat dinasihatkan untuk lebih berwaspada dan berhati-hati dalam mengurangkan risiko penularan jangkitan COVID-19. Semoga kelainan yang dialami pada sambutan perayaan kali ini menjadi sebuah memori untuk dikenang di masa hadapan. Kita mesti menang!

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

24 Disember 2020 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 24 DISEMBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	249	35,415
SELANGOR	491 (1)	27,709
WP KUALA LUMPUR	379	11,424
NEGERI SEMBILAN	144	7,335
JOHOR	115	3,821
PULAU PINANG	37	3,081
PERAK	26	2,939
KEDAH	4	2,914
WP LABUAN	26	1,600
SARAWAK	2 (1)	1,096
PAHANG	12	964
MELAKA	76	913
KELANTAN	9	517
TERENGGANU	7	296
WP PUTRAJAYA	4	249
PERLIS	0	45
JUMLAH KESELURUHAN	1,581 (2)	100,318

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,581 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 24 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 491 kes**

- 169 kes daripada kluster-kluster, termasuk 101 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Kebun Baru** dan **Kluster Sungai Burong**;
- 206 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 115 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 379 kes**

- 285 kes daripada kluster-kluster, termasuk 34 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Tun** dan **Kluster Jalan Pandan**;
- 57 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 37 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 249 kes**

- 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 140 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 89 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 144 kes**
 - 127 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 14 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Johor: 115 kes**
 - 80 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 17 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka : 76 kes**
 - 72 kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Pulau Pinang: 37 kes**
 - 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 26 kes**
 - 14 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: 26 kes**
 - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 11 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: 12 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: Sembilan (9) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
 - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: Tujuh (7) kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tiga (3) kes lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: Empat (4) kes**
 - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Empat (4) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.